

PM ajak ummah seluruh dunia eratkan persaudaraan seagama

UM 23 JAN 2003

Daripada MARHAINI KAMARUDDIN

KAHERAH 22 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak umat Islam seluruh dunia supaya menjunjung keamanan dan persaudaraan sesama saudara seagama bagi menjamin ketuhanan ummah serta memelihara maruah agama suci itu.

Beliau berkata, umat Islam sepatutnya tidak mengetepikan keamanan dan persaudaraan yang menjadi asas ajaran agama itu kerana perpecahan mengikut bangsa dan negara hanya melemahkan mereka.

“Kini umat Islam berpecah kepada beberapa negara dan kesetiaan kepada negara mengatasi agama. Demi mengejar kepentingan negara masing-masing, mereka bersedia untuk melawan saudara Islam dari negara lain, sanggup berpecah untuk menyertai kem lawan termasuk musuh daripada kalangan bukan Islam,” kata beliau.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 2,000 ahli akademik dan pelajar Universiti Al-Azhar, Mesir di sini hari ini.

Dr. Mahathir merupakan pemimpin negara asing pertama yang diberi penghormatan membuka tirai tahun baru dengan memberikan ceramah kepada warga Universiti Al-Azhar.

Kehadiran Dr. Mahathir ke universiti Islam tertua di dunia itu adalah atas undangan Sheikh Utama Al-Azhar, Dr. Mohammad Sayed Tantawi.

Lemah

Menurut Perdana Menteri lagi: “Umat Islam pada masa ini sudah pun lemah. Berpecah, mereka semakin lemah. Tidak mampu mempertahankan diri daripada orang Islam lain dan musuh, mereka membiarkan diri dimanipulasi menentang saudara seagama.

“Golongan itu yang sanggup menjadi bahan percaturan orang lain sebenarnya telah hilang kehormatan diri dan jelas sekali tidak mengikut ajaran Islam.”

Dr. Mahathir justeru meminta umat Islam agar berhenti menyalahkan orang lain atas nasib buruk yang menimpa kerana sudah jelas puncanya ialah perpecahan dan penolakan mereka terhadap persaudaraan sesama Islam.

Menurut beliau, ada baiknya jika umat Islam menyalahkan diri sendiri atas apa yang berlaku supaya mereka dapat melakukan sesuatu bagi mengatasi kesilapan dan kelemahan tersebut.

Dalam pada itu, katanya, umat Islam perlu mengenal pasti keutamaan sebenar yang dituntut oleh agama dan jangan mengabaikan atau menyalah tafsir asas ajaran yang telah dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran.

■ Lihat muka 5